



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 MAC 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

## Gagal seludup 935 kilogram minyak masak stok Ramadan

**PASIR MAS:** Cubaan seorang penyeludup membawa minyak masak peket bersubsidi ke negara jiran untuk dijadikan stok menyambut Ramadan gagal selepas diserbu anggota penguat kuasa semalam.

Dalam serbuan pukul 8.15 pagi itu suspek berjaya mela- rikan diri dengan meninggalkan kereta jenis Perodua MyVi di hadapan sebuah rumah di Taman Bakti, Kampung Slow Teliar di sini.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, sebelum itu anggota bertugas telah mengesan sebuah kereta yang membawa muatan barang kawalan diambil dari sebuah premis di bandar ini untuk diselewengkan.

Menurutnya, anggota bertugas bersama Pasukan Po-

lis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor telah bertindak mengekori kereta tersebut sejauh 9 kilometer sebelum suspek berhenti mengejut dan melarikan diri selepas mene-mui jalan mati.

"Pemeriksaan ke atas kereta itu menjumpai 935 kilogram minyak masak bersubsidi.

"Kita tidak menolak kemungkinan minyak masak ini akan dibawa ke pangkalan haram yang terdapat di sepanjang Sungai Golok sebelum diseludup," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Azman memberitahu, nilai rampasan minyak masak itu dianggarkan bernilai RM2,337.50.

Katanya, disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



KPDN Kedah merampas 100,000 bungkusan kopi pracamputan tiruan di sebuah kilang dan stor penyimpanan di Alor Setar kelmarin.

## KPDN sita 100,000 bungkusan kopi tiruan

**ALOR SETAR** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah menyita sebanyak 100,000 unit bungkusan kopi pracamputan kerana disyaki menggunakan cap dagangan berdaftar palsu di sebuah kilang, di sini kelmarin.

Serbuan ke atas kilang pemprosesan produk minuman dan stor penyimpanan di Kawasan Perusahaan Mergong 2, di sini itu dilakukan bersama wakil pemilik cap dagangan tersebut kira-kira pukul 10 pagi.

Pengarah KPDN negeri, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, permeriksaan ke atas kedua-dua premis itu menemui sejumlah unit kopi pracamputan yang menggunakan cap dagangan berdaftar disyaki palsu.

"Pegawai serbuan KPDN negeri kemudian menyita 100,000 unit bungkusan kopi pracamputan dan satu gulung plastik pembungkusan menggunakan cap dagangan berkenaan untuk siasatan lanjut.

"Jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM95,100," katanya dalam kenyataan di sini se-

malam.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan mana-mana orang bagi bukan pertubuhan perbadanan boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap barang dipakaikan secara salah cap dagangan berdaftar atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama, jika sabit kesalahan.

"Manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya adalah denda sehingga RM20,000 bagi setiap barang atas kesalahan sama," ujarnya.

Sementara itu, bagi pertubuhan atau perbadanan, denda sehingga RM15,000 bagi setiap barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM30,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Tambahnya, tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana individu yang cuba menjual barang tiruan dan pihaknya mengalu-alukan sebarang maklumat atau aduan daripada orang awam berhubung aktiviti penjualan barang tiruan.



KERETA Perodua Myvi membawa sebanyak 935kg minyak masak peket yang ditinggalkan di Pasir Mas kelmarin. — IHSAN KPDN

## Tidak sempat seludup 935kg minyak masak peket ke Siam

PASIR MAS — Cubaan seorang lelaki menyeludup 935 kilogram (kg) minyak masak peket yang dipercayai untuk dijadikan stok Ramadan di Thailand gagal selepas kegiatan itu dikesan pihak berkuasa di Taman Bakti, Kampong Slow Teliar, di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 8.15 pagi itu, suspek sempat melarikan diri dengan meninggalkan kereta Perodua Myvi dipandunya di depan sebuah rumah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Kos-

Sara, Hidup Kelantan, Azman Ismail berkata, pihak berkuasa mengesan kereta itu yang membawa muatan barang kawalan dari sebuah premis di bandar ini.

Menurutnya, anggota bertugas bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor bertindak mengekor kereta tersebut sejauh 9 kilometer.

"Suspek kemudiannya bertindak memberhentikan keretanya secara mengejut sebelum keluar dan melarikan diri ketika tiba di kawasan jalan mati."

"Pemeriksaan di dalam kereta itu menjumpai sebanyak 935kg minyak masak bersubsidi yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2,337," katanya dalam kenyataan semalam.

Azman memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan minyak masak itu akan dibawa ke pangkalan haram di sekitar Sungai Golok sebelum diseludup ke negara Jiran.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

### GUNA CAP DAGANGAN PALSU

## Kilang proses minuman diserbu

**Alor Setar:** Sebuah kilang memproses minuman dan stor penyimpanan di Kawasan Perindustrian Mergong 2 di sini, diserbu pihak berkuasa kerana menggunakan cap dagangan berdaftar yang disyaki palsu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan dilakukan sepasukan anggotanya pada jam 10 pagi kemarin melalui aduan daripada wakil pemilik cap dagangan.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas kedua-dua premis ini kemodian menemui sejumlah unit kopi pra campuran yang menggunakan cap dagangan berdaftar yang disyaki palsu.

"Berikutnya, pegawai serbuan KPDN Kedah menyita 100,000 unit bungkusan kopi pra campuran dan satu gultung plastik pembungkusan yang menggunakan cap dagangan berkenaan untuk siasatan lanjut.

"Jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM95,400," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Muhammad Nizam berkata, kes akan disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 dan mana-mana orang jika disabitkan kesalahan boleh di denda sehingga RM10,000 bagi setiap barang-barang

yang dipakalkan dengan salah cap dagangan berdaftar bagi bukan pertubuhan perbadanan atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Katanya, bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda sehingga RM20,000 bagi setiap barang-barang yang dipakalkan dengan salah cap dagangan berdaftar atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi pertubuhan atau perbadanan, denda sehingga RM15,000 bagi setiap barang-barang yang dipakalkan dengan salah cap dagangan berdaftar bagi kesalahan pertama dan denda sehingga RM30,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya."

"Sehubungan itu, KPDN ingin mengingatkan mana-mana orang yang cuba menjual barang tiruan akan diambil tindakan tegas serta amat mengalu-alukan sebarang maklumat atau aduan dari orang awam berhubung aktiviti penjualan barang tiruan ini," katanya.



PEGAWAI KPDN memeriksa kotak yang mengandungi kopi pra campuran.

Pemeriksaan KPDN menemui 935kg minyak masak bernilai RM2,337.50

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN  
**PASIR MAS**



Cubaan menyeludup minyak masak bersubsidi ke negara jiran dipercayai untuk stok Ramadan berjaya ditumpaskan penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada Isnin.

Pengarahnya, Azman Ismail

Sebanyak 935 kg minyak masak bersubsidi bernilai RM2,337.50 dipercaya cuba diseleweng.



# Cubaan seleweng minyak masak subsidi gagal

berkata, kejayaan itu selepas KPDN Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor menjalankan pemeriksaan terhadap sebuah kereta jenis Perodua Myvi.

"Pemeriksaan pada jam 8.15 pagi menemui 935 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi.

"Lokasi serbuan adalah di hadapan sebuah rumah di Taman Bakti, Kampung Slow Telar, Bunut Susu, di sini," kata dia ketika dihubungi pada Selasa.

Menurut Azman, terdahulu pihaknya mengesahkan pergerakan sebuah kenderaan membawa muatan barang kawalan yang diambil dari sebuah premis di Pasir Mas, seterusnya dibawa ke pangkalan haram untuk diselewengkan.

Bagaimanapun ujarnya, sus-



Cubaan menyeludup minyak masak bersubsidi ke negara jiran berjaya ditumpaskan KPDN.

pek menyedari pergerakannya diekor sejauh sembilan kilometer lalu bertindak melarikan diri dengan memecut laju di laluan kampung tetapi termasuk ke jalan mati.

Azman berkata, suspek ber-

jaya melarikan diri di semak berhampiran dan meninggalkan kenderaananya.

"Nilai rampasan dianggarkan bernilai RM2,337.50 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



MOHD. HAFIZUL (kiri) memotong ayam yang dijual kepada pelanggannya di Kampung Duyong, Seberang Takir, Kuala Nerus semalam.

Pengguna dakwa ada pihak ambil kesempatan

## Harga ayam naik menjelang Ramadan

Oleh TENGKU DANISH BAHRI  
TENGKU YUSOFF

**KUALA NERUS** — Pengguna di daerah ini dan Kuala Terengganu merungut apabila harga ayam segar melambung pada hari pertama Ramadan semalam.

Seorang pengguna, Nur Hazwani Ilyas, 43, mendakwa harga ayam segar kini RM10.80 sekilogram iaitu kenaikan 90 sen berbanding minggu lalu.

"Saya yang kerap ke pasar untuk membeli barang basah mendapati harga ayam ini naik buat kali ketiga dalam tempoh seminggu sejak minggu lalu.

"Walaupun setiap kenaikan cuma 30 sen, ia amat kerap dalam tempoh singkat mem-

buatkan kami sebagai pengguna terkesan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi pengguna, Abdul Rashid Mokhtar, 42, mendakwa, kenaikan tersebut seakan-akan mengambil kesempatan ketibaan Ramadan.

"Setiap kali Ramadan dan Syawal mesti harga ayam melambung dengan alasan kononnya permintaan tinggi.

"Saya tidak nampak pun berlaku kekurangan bekalan ayam. Eloq juga cadangan kerajaan mengimport ayam bagi memberi tekanan kepada pengeluar agar harganya kekal stabil," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Mohd. Hafizul Hamdan, 40, mengakui berlaku kenaikan har-

ga ayam sebanyak tiga kali sejak seminggu lalu.

"Perubahan ini mengikut harga ayam yang diterima di peringkat pembekal dan pemborong.

"Berdasarkan pengalaman, saya tidak tolak kemungkinan harga ayam segar akan naik lagi menjelang Aidilfitri nanti," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohammad Razali Tahar, 42, mengakui bekalan ayam adalah stabil dengan 250 ekor dibekal setiap hari.

"Walaupun bekalan ayam stabil, perubahan harga sukar untuk difentukan. Contohnya tahun lalu, bekalan ayam pada bulan puasa dan raya juga stabil tetapi harganya mencecah RM12 sekilogram," katanya.



JUADAH BERBUKA DI BAZAR RAMADAN

# HARGA NAIK 20%

Harga makanan di bazar Ramadan seluruh negara secara purata mengalami peningkatan antara 10 hingga 20 peratus.  
Peniaga memberi alasan perkara itu tidak dapat dielakkan berikutan kenaikan harga bahan mentah.

MS263

HARI:

**RABU**

TARIKH:

**13/3/2024**

M/SURAT:

**2****KENAIKAN HINGGA 20 PERATUS**

# Harga makanan makin mahal!

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid, Ahmad Hasbi, Nor Syazrina Muhamad Tahir dan Nurul Najwa Mohd Noordin  
um@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**H**arga makanan di bazar Ramadan se-luruh negara secara umumnya meningkat antara 10 hingga 20 peratus berikutnya peniaga mendakwa perlu menambah pengeluaran kos bahan mentah.

Walaupun berdepan dengan kenaikan kos, peniaga berusaha mengekalkan harga sama atau menaikkan harganya sedikit bagi mengelak kerugian, malah ada yang memohon maaf kepada pelanggan kerana terpaksa berbaut demikian.

Rata-rata peniaga di Bazar Ramadan Taman Tun Dr Ismail (TTDI) menyatakan mereka terpaksa menaikkan harga makanan dijual disebabkan kos bahan mentah.

Tinjauan Harian Metro mendapati harga terkini satu set popia ialah RM8 berbanding RM7 bagi tahun lalu.

Roti John pula dijual RM9 berbanding RM8 tahun sebelumnya.

Pada masa sama, murtabak pula dijual pada harga RM7 berbanding RM5 pada 2023.

Peniaga popia, Umar Ar densa, 29, berkata, dia terpaksa menaikkan harga jualan RM1 tahun ini disebabkan kenaikan harga bahan mentah.

"Kenaikan harga bahan mentah menyebabkan kami terpaksa menaikkan harga popia tahun ini," katanya.

Bagi peniaga Roti John, Asmah Jamilah, 43, dia terpaksa menaikkan harga kerana semua bahan untuk menghasilkan makanan itu mengalami kenaikan.

"Sos cili, roti serta daging semuanya naik harga."

"Pemakluman berkaitan kenaikan harga ini juga sudah kita maldurkan kepada pelanggan semasa kami berniaga sebelum ini," katanya.

Peniaga murtabak, Su haime Ahmad, 54, pula



SUASANA orang ramai mengunjungi Bazar Ramadan TTDI, Kuala Lumpur untuk membeli jadual berbuka puasa.



mengatakan, dia terpaksa menaikkan harga daripada RM5 kepada RM7 disebabkan harga bawang yang mahal di pasaran.

"Bawang mahal sangat sehingga RM7 sekilogram. Inilah kesulitan peniaga, khususnya yang berniaga berasaskan bawang."

"Tahun lalu, kita berdepan masalah telur, tahun ini kita hadapi masalah kuih dalam paket tahun ini sebanyak 50 sen."

"Kita juga sudah maklumkan kepada pelanggan. Jadi bergantung kepada mereka untuk menerima kenaikan harga dengan hati terbuka."

"Kami peniaga tiada pilihan. Barang semua mahal. Mohon maaf kepada semua pelanggan," katanya.

Sementara itu, peniaga kuih di bazar Kampung

Baru, Syafiq Farul Azman, 26, berkata, dia menjual sebekas kuih dalam dengan lima potongan pada harga RM4.

"Ini bermakna, sepotong kuih harganya 80 sen. Ia kenaikan 10 sen berbanding tahun lalu," katanya.

Jamilah Muhamad, 35, pula memaklumkan, dia terpaksa menaikkan harga kuih dalam paket tahun ini sebanyak 50 sen.

"Ia membabitkan kuih jala mas sebelum ini berharga RM5 bagi enam biji, namun kini ia dijual pada harga RM1 sebiji."

Kuih piana sebelum ini dijual RM2 untuk tiga biji namun kini, harganya RM1 sebiji.

Kuih tahi itik pula RM2 untuk tiga biji dan kini, harganya RM1 sebiji.

harga gula.

"Satu cawan besar dan plastik masing-masing kami jual RM5. Tidak ada kenaikan, harga sama seperti tahun lalu."

"Walaupun pelanggan minta air lebih, harga tetap sama," katanya.

Di Negeri Sembilan, harga makanan di bazar Ramadan di Seremban dan Nilai didapati menunjukkan kenaikan tidak ketara terutama membabitkan lauk pauk.

Peniaga lauk pauk, Akmal Harith Amir Shukri Amir, 24, berkata, dia cuba meletakkan harga semimurung mungkin selagi ada keuntungan dijana.

"Dua minggu lalu, harga daging naik RM2 sekilogram, saya tidak tahu punca. Kerana itu, harga harga sup dagang contohnya, dinalakkan daripada RM7 kepada RM8.

"Bagi ayam pula, kami ikut harga semasa namun cuba mengekalkan harga sama seperti tahun lalu. Bagaimanapun, kami perlu lihat juga, kami perlu dapatkan untung juga walaupun sedikit," katanya.

Pelanggan, Rosmaliza Mohamed Ramli, 30, berkata, walaupun kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) tidak membabitkan makanan, namun ia tetap memberi kesan secara tidak langsung.

"Saya dapat harga lauk pauk naik antara RM1 ke RM2. Jika beti tiga ke empat lauk, sudah cecah lebih RM20 dan saiz hidangan juga makin kecil," katanya.

Di bazar Ramadan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan, ada makanan merekodkan kenaikan antara RM1 ke RM2.

Ia seperti lemak dan daging bakar yang masing-masing naik daripada RM8 kepada RM9 selain gulai kawah daripada RM10 kepada RM12.

Pada masa sama, kuih jala mas sebelum ini berharga RM5 bagi enam biji, namun kini ia dijual pada harga RM1 sebiji.

Kuih piana sebelum ini dijual RM2 untuk tiga biji namun kini, harganya RM1 sebiji.

Kuih tahi itik pula RM2 untuk tiga biji dan kini, harganya RM1 sebiji.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Kekal harga lama nak tarik pelanggan

**Kota Kinabalu:** Peningkatan kos bahan mentah dilihat antara faktor pertumbuhan harga makanan serta juadah di bazar Ramadan tahun ini.

Tinjauan hari pertama di Bazar Ramadan Asia City mendapati ada peniaga yang terpaksa menaikkan harga hidangan yang dijual ekoran perlu menampung modal jualan terutama membabitkan beberapa barang seperti ayam, daging, sayur dan telur.

Peniaga bazar Ramadhan, Hafizul Zulkarnain, 35, berkata, dirinya berniaga nasi goreng ayam, minun goreng ayam, kuetiaw goreng ayam dan nasi goreng kampong buat tihun ketiga di bazar Ramadan itu.

Hafizul berkata, walaupun pengiraan kos bahan mentah ditanggungnya meningkat namun dirinya masih mencekalkan harga bagi juadah utama pada harga RM4 satu bekas.

Bagaimanapun, mempunyai harga bagi ju-

ahad sampingan seperti ayam goreng dan telur goreng terpaksa dijual sedikit mahal berbanding tahun lalu.

"Kalau ikutkan kadar semasa, kita boleh sahaja menaikkan harga semua makanan tetapi sudah menjadi cara saya mahu mengekalkan harga lama untuk menarik pelanggan sedia ada."

"Oleh itu, saya hanya menaikkan harga untuk juadah sampingan dan bukannya makanan utama," katanya.

Sementara itu, peniaga martabak Jawa, Mohd Basri Ali, 45, menyatakan beliau secara peribadi berat hati mahu menaikkan harga sejak lima tahun lalu itu.

"Sebagai peniaga, saya hendak kekalkan harga lama iaitu RM2.50 bagi martabak sayur, RM3 untuk martabak ayam dan daging."

"Harga bahan mentah sekiranya ibarat kekangan utama kerana jika tidak naikkan harga, sudah pasti tiada untung," katanya.



ANTARA juadah yang dijual di Bazar Ramadan TTDI, Kuala Lumpur.

Oleh Ahmad Hasbi  
 am@hmetro.com.my

#### Seremban

Harga makanan di bazar Ramadan di Seremban dan Negeri Sembilan didapati menunjukkan kenaikan tidak ketara terutama membabitkan lauk pauk.

Bagaimanapun pembeli mengakui sedikit terasa dengan kenaikan itu jika membeli lebih daripada dua lauk atau makanan.

## Pembeli mula terkesan

*Peniaga bazar Ramadan di Seremban cuba letak harga seminimum mungkin*

**RM8**

Harga sup daging selepas kenaikan harga daging sebanyak RM2 sekilogram

Peniaga lauk pauk, Akmal Harith Amir Shukri Amir, 24, berkata, dia cuba meletakkan harga seminimum mungkin selagi ada keuntungan dijana.

"Dua minggu lalu, harga daging naik sebanyak RM2 sekilogram, saya tidak ta-

hu puncanya, jadi kini harga sup daging contohnya daripada RM7 kini dinaikkan ke RM8.

"Bagi ayam, kami ikut harga semasa namun cuba meskipun kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) tidak membabitkan makanan, namun ia mem-

kena dapatkan untung juga walaupun sedikit," katanya.

beri impak secara tidak langsung.

"Saya dapat harga lauk pauk memang naik RM1 ke RM2. Jika beli tiga ke empat lauk, sudah cecah lebih RM20 dan saiz hidangan juga makin sedikit," katanya.

HARI:

**RABU**

TARIKH:

**13/3/2024**

M/SURAT:

**3**

## Kenaikan harga makanan hingga RM2

**Kota Bharu:** Makanan yang dijual di Bazar Ramadan Stadium Sultan Muhammad IV di sini menunjukkan sedikit peningkatan harga berbanding tahun lalu.

Kenaikan harga bahan mentah yang tinggi menyebabkan rata-rata peniaga bazar Ramadan pada tahun ini tidak ada pilihan lain selain menetapkan harga baharu untuk jualan mereka.

Tinjauan di bazar berkenaan mendapat ada jualan yang mengalami kenaikan harga antara 50 sen hingga RM2.

Peniaga makanan, Siti Zulaikha Rahimudin, 29, berkata, harga ayam percik yang dijualnya masih kekal bergantung kepada saiz iaitu antara RM6 hingga RM12 secucuk.

"Bagaimanapun, saya terpaksa menaikkan harga

gulai kawah yang sebelum ini dijual RM10 kepada RM12 disebabkan kadar harga makanan yang dijual adalah bergantung kepada bahan mentah yang digunakan dalam masakan.

"Dalam masakan gulai kawah banyak menggunakan bawang dan harga bawang yang dibeli meningkat sekali ganda iaitu dari RM4 kepada RM8 sekilog-ram," katanya ketika ditemui.

Bagi peniaga kuih, Abd Rahman Abd Aziz, 34, berkata, dia menjual lebih 10 jenis kuih muhibah di bazar Ramadan bagi memenuhi permintaan pengunjung.

"Sama seperti peniaga lain, di mana saya juga terpaksa menaikkan sedikit harga makanan bagi

menampung modal perniagaan berikutan kenaikan harga bahan mentah yang sangat membebani.

"Kuih jala mas yang sebelum ini dijual RM5 untuk enam biji, namun sekarang dijual RM1 sebiji makalak piana, tahi itik dan seri kaya masing-masing yang sebelum ini dijual RM2 untuk tiga biji terpaksa dijual RM1 sebiji."

"Walaupun keuntungan yang diperoleh sedikit, namun sebagai peniaga saya mengharapkan dapat menjual dalam kuantiti yang banyak setiap hari selain mendapat sambutan daripada pelanggan," katanya.

Bagaimanapun, seorang peniaga nasi beriani, Mohd Faizran Mo-

hd Salleh, 40, pula masih mengekalkan harga jualan nasi meskipun berdepan dengan kenaikan harga bahan mentah.

"Walaupun tidak mendapat untung yang banyak, tetapi saya berpuas hati kerana dapat bersedekah sempena Ramadan."

"Setiap hari jualan nasi beriani sangat laris dan boleh menjual antara 600 hingga 1,000 bungkus," katanya.

Sementara itu, pembeli Mohd Nazmi Saufi, 34, berkata, setakat ini makanan yang dijual di bazar Ramadan tidak membebaniannya.

"Walaupun ada di antara makanan yang dijual mengalami kenaikan, namun masih diajgap berpatutan oleh orang ramai yang rata-ratanya memahami situasi peniaga," katanya ketika ditemui.

**Peniaga menaikkan harga berikutan kenaikan harga bahan mentah**



PENIAGA sibuk menghidang kuih di Bazar Ramadan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu.

**Isu batal kuota pekerja asing**

# Bekalan sayur bakal terjejas 40 peratus

Pengeluaran sayuran negara dijangka merosot sehingga 40 peratus mulai bulan depan kesan daripada krisis tenaga kerja apabila kerajaan membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini. Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia bimbang harga sayur di pasaran melambung apabila bekalan berkurangan selepas hasil ladang tak dapat dikeluarkan seperti biasa berikutan kekurangan buruh.

Oleh Mohamed Farid Noh → Nasional 5

**Eksklusif**



Isu batal kuota pekerja asing

# Pengeluaran hasil sayur terjejas 40 peratus

Bekalan tidak dapat dikeluar seperti biasa akibat kurang tenaga kerja

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_no@bh.com.my

**Johor Bahru:** Pengeluaran hasil sayuran negara dijangka terjejas sehingga 40 peratus mulai bulan depan menyebabkan harganya di pasaran melambung susulan pengusaha tanaman menghadapi krisis tenaga kerja.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia berikutan pengumuman kerajaan baru-baru ini untuk membatakan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

Katanya, senario itu akan menyebabkan harga sayuran di pasaran meningkat mendadak apabila bekalan sayuran berkurangan dengan hasil sayuran tidak dapat dikeluarkan seperti biasa akibat kekurangan tenaga kerja.

"Langkah kerajaan menggalakkan pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini sebenarnya

mempunyai kesan yang besar terhadap sektor pertanian, khususnya sayuran negara yang bergantung sepenuhnya kepada tenaga kerja asing.

"Ia berikutnya rakyat tempatan tidak berminat bekerja di ladang-ladang sayur kerana ia dianggap kerja 3D (sukar, bahaya dan kotor) sekali gus menyebabkan kebergantungan sektor ini kepada pekerja asing.

"Isu tenaga kerja kritisik di ladang sayuran negara baharu sahaja pulih selepas teruk terkena ketika penularan wabak COVID-19. Namun, kita jangkakan ia akan kembali buruk bermula pertengahan Ramadan ini apabila majoriti tenaga kerja warga asing akan pulang ke negara asal bagi menyambut Aidilfitri dan bercuti panjang, malah ada antaranya dijangka tidak kembali semula ke negara ini."

"Dengan pembatalan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum akhir bulan ini berserta faktor pekerja asing pulang ke negara asal, kita jangkakan hasil pengeluaran sayuran negara akan merosot lebih 40 peratus dengan harganya juga bakal melambung di pasaran mulai bulan depan," katanya kepada BH, semalam.

## Tak lanjut proses verifikasi

Pada 10 Mac lalu, kerajaan dilaporkan tidak akan melanjutkan proses verifikasi pekerja asing ke-



Peniaga sayur-sayuran ketika tinjauan di pasar Chow Kit, Kuala Lumpur.

(Foto Raihana Mansor/BH)

## Eksklusif

pada semua majikan yang mendarat di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 sebelum 31 Mac ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata majikan yang memerlukan tenaga kerja asing diminta menyeberangi permohonan mereka selepas proses pengambilan pekerja terbatit sudah dipermudahkan.

Sebelum ini media melaporkan, Pengerusi Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

(SAMENTA), Datuk William Ng berkata pihaknya tidak bersetuju dengan langkah kerajaan membatakan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

William berkata, keputusan itu tidak mengambil kira sifat dinamik landskap perniagaan negara ini.

Mengulas lanjut, itu, Ser Kwee berkata, majikan di sektor pertanian menghadapi situasi yang amat sukar susulan pengumuman pembatalan kuota pekerja itu menjelang akhir bulan ini.

Katanya, ia berikutnya dalam waktu yang amat singkat, majikan perlu mencari pekerja dari negara sumber dan menguruskan pelbagai dokumen yang berkaitan.

Malah, katanya dalam tempoh singkat itu juga, majikan diwajibkan menyediakan pekerjaan, tem-

pat tinggal, kemudahan dan ia memerlukan kos yang amat tinggi bagi menanggung segala perbelanjaan berkenaan.

"Majikan sektor pertanian yang telah mempunyai kelulusan kuota untuk menghadiri temu duga pengambilan pekerja juga perlu membuat naik Permit Akuan Penginapan Pekerja Akta 446 di Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS), dengan proses mendapatkan permit itu blasanya mengambil masa kira-kira sebulan.

"Tambahan pula penamatian Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing pada akhir Mei depan akan memburukkan lagi isu tenaga kerja di ladang sayuran, berikutkan pekerja asing sektor pertanian yang kembali ke negara asal akan berdepan masalah memasuki semula dan bekerja di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, Ser Kwee berharap kerajaan memberikan pengecualian kepada sektor pertanian membabitkan sayuran terhadap langkah pembatalan kuota pekerja asing.

"Itu bagi memastikan pengeluaran bekalan sayuran negara tidak terjejas, sekali gus tidak menyebabkan harga bahan mentah itu melambung di pasaran kerana bekalan yang tidak cukup, sehingga akhirnya meresahkan rakyat," katanya.

Kita jangkakan hasil pengeluaran sayuran negara akan merosot lebih 40 peratus dengan harganya juga bakal melambung di pasaran mulai bulan depan.

**Lim Ser Kwee,**  
Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia,



## Bubur lambuk, martabak naik harga, roti john cecah RM10

KUALA LUMPUR - Pengunjung setia yang 'memburu' menu-menu di bazar Ramadan seperti kuih-muih serta variasi menu lain terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi untuk Ramadan kali ini.

Tinjauan *Sinar Harian* di bazar Ramadan Jalan Raja Alang dan sekitar Kampung Baru di sini mendapati berlaku peningkatan harga makanan melibatkan beberapa jualah popular.

Antara makanan popular tersebut ialah bubur lambuk dan martabak bahkan minuman dalam balang juga tidak terkecuali.

Seorang peniaga bubur lam-

buk di Kampung Baru, Mastura Zainal Abidin, 30-an, berkata, bubur lambuk dijual pada harga RM3.50 sebungkus berbanding RM3 pada tahun lalu.

"Saya generasi kedua meruskan legasi bubur lambuk Pak Zainal. Ada sedikit kenaikan kerana harga bahan mentah naik namun resipi tradisional tetap kami dikekalkan."

"Sudah lebih 20 tahun kami berniaga di Kampung Baru dan kenaikan harga ini tidak dapat dielakkan dan ada juga peniaga jual sampai RM4 sebungkus," katanya pada Selasa.

Sementara itu, seorang peniaga martabak, Hanif Roslan, 28, berkata, harga makanan itu turut naik 50 sen pada tahun ini berbanding harga tahun lalu iaitu RM4 sekeping.

"Naik 50 sen sebab harga barang naik, bawang besar naik daripada RM20 sampai lebih RM30 untuk setiap 10 kilogram, sebab itu harga martabak naik sedikit," kata peniaga di bazar Ramadan Jalan Raja Alang itu.

Sementara itu, tinjauan di bazar sekitar lembah Klang mendapati roti john dijual mencecah RM10 berbanding RM8 hingga

RM9 tahun lepas.

Bagi pegawai kewangan, Nor Aishah Abu Bakar, 28, berkata, tahun ini dia terpaksa berbelanja hampir RM80 ke RM100 bagi membeli hidangan untuk keluarganya seramai tujuh orang.

Menurutnya, tahun lalu walaupun terdapat kenaikan harga bahan mentah, namun tidak menelan perbelanjaan sehingga RM100 sehari.

"Pada pandangan saya tahun ini makanan agak mahal tapi dalam keadaan ekonomi sekarang saya faham semua orang sedang susah," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Abdulah Salim, 28, berkata, dia memang menjangkakan peningkatan harga makanan berlaku namun tidak terlalu ketara.

"Orang ramai sudah jangka perkara ini. Jadi apabila kami nampak harga makanan sedikit tinggi daripada biasa, ia tidaklah terlalu ketara," katanya.



Mastura menunjukkan bubur lambuk yang dijual pada harga RM3.50.



Hanif (kanan) memaklumkan harga martabak naik 50 sen tahun ini.



KITA tidak mahu pihak tertentu mengaut keuntungan dan rakyat terus terhimpit akibat manipulasi harga pihak tertentu. – UTUSAN/ SADDAM YUSOFF

## Bimbang dengan kartel industri beras

SAUDARA PENGARANG,

SAYA bersetuju dengan Pengurus Majlis Sarawak Hidup Negara (NACCOL) bahawa kesukaran menemui beras tempatan angkara kartel dalam industri beras. Dapat dilihat kenaikan dan kekurangan bekalan makanan seperti ayam, telur serta gula ada persamaan dengan masalah beras yang berkemungkinan berpunca akibat permainan pihak berkepentingan dalam industri berkenaan.

Mereka boleh dikatakan berkemampuan dan telah menguasai industri makanan ini dan sekarang mereka berkuasa dalam menentukan bekalan, menentukan turun naik harga dan juga boleh jadi menyorok barang keperluan dapur rakyat ini.

Ini termasuk menjadikan beras tempatan sebagai beras import, mencampur beras tempatan dengan beras import kemudian memukir label menjadi beras import. Saya perhatikan di kedai ada menjual sedikit beras tempatan berbanding beras import.

Apabila beras tempatan habis, pembeli sudah tentu terpaksa membeli beras import yang sekali ganda mahal dan sudah tentu membebankan pengguna. Pekedai menjual semua beras import dan apabila ditanya beras tempatan, belum sampai dan tiada stok. Pihak pekedai juga kemungkinan bersubahat dengan pemborong dan pembekal untuk melakukan permainan harga sama ada menyorok beras atau mahukan keuntungan berganda.

Pihak yang terlibat secara langsung dengan industri makanan negara perlu kembali kepada pengusaha kilang beras dan pemborong beras yang sudah tentu mempunyai maklumat penjualan beras tempatan ini.

Kita tidak mahu pihak tertentu mengaut keuntungan dan rakyat terus terhimpit akibat manipulasi harga pihak tertentu. Tidak ada gunanya bermacam-macam tindakan untuk menyelesaikan isu beras jika laju beras tempatan untuk golongan kurang berkemampuan tidak dapat ditangani.

Sampai bila isu bangau oh bangau dan saling menuding juri mencari kesalahan orang lain ini dapat diselesaikan dan ditamatkan secepat mungkin. Kita tidak mahu kerajaan ditertawakan oleh kartel kerana kegagalan kerajaan menangani kecilikan mereka memanipulasikan bekalan beras negara.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 MAC 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Mar	KPDN Kelantan serbu pemborong seleweng barang kawalan	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/kpdn-kelantan-serbu-pemborong-seleweng-barangan-kawalan/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/kpdn-kelantan-serbu-pemborong-seleweng-barangan-kawalan/</a>	UTUSAN MALAYSIA
13-Mar	Premis borong, runcit seleweng barang kawalan diserbu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654057/berita/semasa/premis-borong-runcit-seleweng-barangan-kawalan-diserbu">https://www.sinarharian.com.my/article/654057/berita/semasa/premis-borong-runcit-seleweng-barangan-kawalan-diserbu</a>	SINAR HARIAN
13-Mar	935kg minyak masak untuk stok Ramadan gagal diseludup	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654067/berita/semasa/935kg-minyak-masak-untuk-stok-ramadan-gagal-diseludup">https://www.sinarharian.com.my/article/654067/berita/semasa/935kg-minyak-masak-untuk-stok-ramadan-gagal-diseludup</a>	SINAR HARIAN
13-Mar	Tak sempat seludup 935 kg stok minyak masak Ramadan ke Siam	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/12/tak-sempat-seludup-935-kg-stok-minyak-masak-ramadan-ke-siam/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/12/tak-sempat-seludup-935-kg-stok-minyak-masak-ramadan-ke-siam/</a>	KOSMO
13-Mar	KPDN Kedah sita kopi pracampuran tiruan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-sita-kopi-pracampuran-tiruan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-sita-kopi-pracampuran-tiruan</a>	BERITA RTM
13-Mar	KPDN Kedah sita 100,000 bungkusan kopi pracampuran tiruan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/12/kpdn-kedah-sita-100000-bungkusan-kopi-pracampuran-tiruan/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/12/kpdn-kedah-sita-100000-bungkusan-kopi-pracampuran-tiruan/</a>	KOSMO
13-Mar	KPDN serbu kilang proses minuman guna cap dagangan disyaki palsu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654073/berita/semasa/kpdn-serbu-kilang-proses-minuman-guna-cap-dagangan-disyaki-palsu">https://www.sinarharian.com.my/article/654073/berita/semasa/kpdn-serbu-kilang-proses-minuman-guna-cap-dagangan-disyaki-palsu</a>	SINAR HARIAN
13-Mar	Sektor agromakanan catat pertumbuhan memberangsangkan - Mat Sabu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653987/berita/nasional/sektor-agromakanan-catat-pertumbuhan-memberangsangkan---mat-sabu">https://www.sinarharian.com.my/article/653987/berita/nasional/sektor-agromakanan-catat-pertumbuhan-memberangsangkan---mat-sabu</a>	SINAR HARIAN

13-Mar	Sektor agromakanan catat pertumbuhan memberangsangkan - Mohamad Sabu	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sektor-agromakanan-catat-pertumbuhan-memberangsangkan-mohamad-sabu-461895">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sektor-agromakanan-catat-pertumbuhan-memberangsangkan-mohamad-sabu-461895</a>	ASTRO AWANI
13-Mar	Cukai SST: Bandingkan harga sebelum membeli mengurangkan risiko ditindas peniaga	<a href="https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/03/cukai-sst-bandingkan-harga-sebelum-membeli-mengurangkan-risiko-ditindas-peniaga/">https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/03/cukai-sst-bandingkan-harga-sebelum-membeli-mengurangkan-risiko-ditindas-peniaga/</a>	UTUSAN MALAYSIA
13-Mar	Expert: Widening of service tax exemption scope for logistics sector a good sign	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/12/expert-widening-of-service-tax-exemption-scope-for-logistics-sector-a-good-sign">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/12/expert-widening-of-service-tax-exemption-scope-for-logistics-sector-a-good-sign</a>	THE STAR
13-Mar	FMM: Need to enhance business environment	<a href="https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/03/12/fmm-need-to-enhance-business-environment">https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/03/12/fmm-need-to-enhance-business-environment</a>	THE STAR
13-Mar	KPDN Johor rampas bahan bakeri guna logo halal tidak diperakui bernilai RM23,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/kpdn-johor-rampas-bahan-bakeri-guna-logo-halal-tidak-diperakui-bernilai-rm23-000">https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/kpdn-johor-rampas-bahan-bakeri-guna-logo-halal-tidak-diperakui-bernilai-rm23-000</a>	BERITA RTM
13-Mar	Cheaper deals during Ramadan	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230401/cheaper-deals-during-ramadan-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230401/cheaper-deals-during-ramadan-/</a>	DAILY EXPRESS
13-Mar	PJR sedia barang keperluan Ramadan lebih murah: Armizan	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230400/pjr-sedia-barang-keperluan-ramadan-lebih-murah-armizan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230400/pjr-sedia-barang-keperluan-ramadan-lebih-murah-armizan/</a>	DAILY EXPRESS
13-Mar	KPDN Kedah sita 100,000 bungkus kopi pracamputran guna kop dagang palsu	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1222708/kpdn-kedah-sita-100000-bungkus-kopi-pracamputran-guna-kop-dagang-palsu">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1222708/kpdn-kedah-sita-100000-bungkus-kopi-pracamputran-guna-kop-dagang-palsu</a>	BERITA HARIAN
13-Mar	Bazar di Pulau Pinang dipantau setiap hari sepanjang Ramadan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654127/edisi/utara/bazar-di-pulau-pinang-dipantau-setiap-hari-sepanjang-ramadan">https://www.sinarharian.com.my/article/654127/edisi/utara/bazar-di-pulau-pinang-dipantau-setiap-hari-sepanjang-ramadan</a>	SINAR HARIAN
13-Mar	KPDN Kuala Lumpur laksana jualan rahmah bergerak	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/654154/edisi/selangor-kl/kpdn-kuala-lumpur-laksana-jualan-rahmah-bergerak">https://www.sinarharian.com.my/article/654154/edisi/selangor-kl/kpdn-kuala-lumpur-laksana-jualan-rahmah-bergerak</a>	SINAR HARIAN